

Hubungan Faktor Dalaman dan Luaran dengan Kemampuan Analisis Teks al-Quran: Satu Kajian Korelasi

(The Relationship between Internal and External Factors and the Ability to Analyse Quranic Texts: A Correlational Study)

Radziah Ismail¹, Norfarhana Ahmad Ghafar^{2*}
Muhammad Izuan Abd Gani³, Siti Salma Wahiduddin⁴

¹Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: radziah@usim.edu.my

²Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: norfarhana@usim.edu.my

³Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: izuanis@usim.edu.my

⁴Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: sitisalma@usim.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Norfarhana Ahmad Ghafar
(norfarhana@usim.edu.my)

KATA KUNCI:

Kemampuan analisis teks al-Quran
Faktor dalaman
Faktor luaran
Stilistik al-Quran
Korelasi spearman

KEYWORDS:

Quranic text analysis ability
Internal factors
External factors
Quranic stylistics
Spearman correlation

CITATION:

Radziah, I., Norfarhana, A. G., Muhammad Izuan, A. G., & Siti Salma, W. (2026). Hubungan Faktor Dalaman dan Luaran dengan Kemampuan Analisis Teks al-Quran: Satu Kajian Korelasi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(2), e003815.

Kemampuan analisis teks al-Quran merupakan kompetensi teras dalam pembelajaran stilistik al-Quran, yang menuntut penguasaan struktur dan ciri linguistik secara sistematik merangkumi aspek literasi, morfologi, sintaks, retorik, leksikal dan fonologi. Walaupun pelbagai kajian meneliti penguasaan pembelajaran al-Quran, kemampuan analisis stilistik sering diperlakukan sebagai konstruk tunggal tanpa membezakan dimensi-dimensi linguistik yang terlibat. Selain itu, hubungan antara faktor pembelajaran dan kemampuan analisis secara multidimensi masih kurang dipetakan secara empirikal. Kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan antara faktor pembelajaran dalaman dan luaran dengan kemampuan analisis teks al-Quran berdasarkan enam dimensi stilistik yang berbeza. Reka bentuk kajian adalah kuantitatif deskriptif-korelasi menggunakan soal selidik berskala Likert yang dibangunkan untuk mengukur konstruk faktor pembelajaran dan dimensi kemampuan analisis. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi mengenal pasti profil penguasaan setiap dimensi, manakala analisis korelasi Spearman's rho digunakan untuk menilai kekuatan dan arah hubungan antara pemboleh ubah. Dapatan menunjukkan bahawa kedua-dua faktor dalaman dan luaran mempunyai hubungan signifikan dengan kemampuan analisis teks al-Quran, namun faktor dalaman memperlihatkan kekuatan hubungan yang lebih konsisten

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i2.3815>

merentasi kebanyakan dimensi stilistik. Corak ini menunjukkan bahawa penguasaan analisis tidak bersifat homogen, sebaliknya dipengaruhi secara berbeza oleh jenis faktor pembelajaran. Walaupun kajian ini tidak menguji hubungan kausal, dapatan korelasi memberikan asas empirikal awal untuk memahami pemodelan multidimensi kemampuan analisis stilistik serta implikasinya terhadap reka bentuk pedagogi di peringkat pengajian tinggi.

ABSTRACT

The ability to analyse Qur'anic text constitutes a core competency in the study of Qur'anic stylistics, requiring systematic mastery of linguistic structures and features, including literacy, morphology, syntax, rhetoric, lexis, and phonology. Although numerous studies have examined Qur'anic learning achievement, stylistic analysis ability is frequently treated as a unidimensional construct, without differentiating the specific linguistic dimensions involved. Furthermore, the relationship between learning factors and multidimensional stylistic analysis ability remains insufficiently mapped through empirical investigation. This study aims to examine the relationships between internal and external learning factors and Qur'anic text analysis ability across six distinct stylistic dimensions. A quantitative descriptive-correlational design was employed using a Likert-scale questionnaire developed to measure learning factors and dimensions of stylistic analysis ability. Descriptive statistics were used to identify the proficiency profile across each dimension, while Spearman's rho correlation analysis was conducted to assess the strength and direction of the relationships between variables. The findings indicate that both internal and external learning factors are significantly associated with Qur'anic text analysis ability. However, internal factors demonstrate more consistent correlations across most stylistic dimensions. These patterns suggest that stylistic analysis proficiency is not homogeneous, but rather differentially influenced by types of learning factors. Although causal relationships were not tested, the correlational findings provide an initial empirical basis for modelling multidimensional stylistic analysis ability and offer pedagogical implications for instructional design at the tertiary level.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang secara empirikal kemampuan analisis stilistik al-Quran sebagai konstruk multidimensi serta memetakan hubungannya dengan faktor pembelajaran dalaman dan luaran. Dapatan kajian menyediakan bukti kuantitatif awal bagi menyokong perancangan pedagogi dalam pengajaran stilistik al-Quran di peringkat pengajian tinggi.

1. Pengenalan

Subjek stilistik al-Quran menekankan keupayaan pelajar untuk menganalisis teks al-Quran secara sistematik melalui pendekatan linguistik dan tekstual. Analisis teks al-

Quran dalam konteks ini bukan sekadar melibatkan pembacaan literal atau kefahaman umum, tetapi merangkumi penelitian terhadap struktur bahasa, pilihan leksikal, fungsi tatabahasa, keindahan retorik dan ciri bunyi yang membentuk gaya bahasa teks al-Quran. Keupayaan analisis teks al-Quran merangkumi pelbagai aspek linguistik dan kefahaman, termasuk literasi, morfologi, sintaks, retorik, leksikal dan fonologi, yang berperanan penting dalam membentuk pemahaman makna, struktur dan mesej teks al-Quran secara menyeluruh.

Walau bagaimanapun, kajian dalam bidang pendidikan menunjukkan bahawa keupayaan pembelajaran pelajar tidak berkembang secara seragam dan banyak dipengaruhi oleh cara pelajar mengadaptasi kekuatan kognitif serta strategi pembelajaran masing-masing (Oxford & Nyikos, 1989; Kob et al., 2016). Dalam konteks pendidikan tinggi, variasi pencapaian dan keupayaan akademik pelajar turut dikaitkan dengan pelbagai faktor pembelajaran, dan tidak bergantung sepenuhnya kepada pengajaran formal semata-mata (Razali & Raop, 2018; Chzin & Surat, 2021). Dapatan ini memberikan konteks awal bahawa penguasaan kemahiran lanjutan seperti analisis teks al-Quran secara stilistik memerlukan lebih daripada sekadar pendedahan akademik, sebaliknya melibatkan kesiapsiagaan dan adaptasi pembelajaran pelajar.

Secara khusus, kajian ini menyumbang kepada literatur pembelajaran stilistik al-Quran dengan memetakan secara empirikal kekuatan hubungan antara faktor pembelajaran dalaman dan luaran dengan dimensi-dimensi khusus kemampuan analisis teks al-Quran, merangkumi literasi, morfologi, nahu (sintaks), balaghah (retorik), mu'jami (leksikal) dan suti (fonetik). Berbeza dengan kajian terdahulu yang cenderung memperlakukan keupayaan analisis sebagai konstruk tunggal atau mengaitkan faktor pembelajaran secara umum dengan pencapaian akademik, kajian ini meneliti variasi pola hubungan antara faktor pembelajaran dan komponen analisis stilistik yang berbeza. Pendekatan ini membolehkan pemahaman yang lebih bernuansa tentang bagaimana faktor pembelajaran tertentu berkait secara relatif lebih kuat dengan aspek analisis tertentu dalam konteks stilistik al-Quran.

1.1. Permasalahan Kajian

Walau bagaimanapun, realiti pengajaran dan pembelajaran menunjukkan bahawa sebahagian pelajar masih menghadapi kesukaran untuk menguasai kemahiran analisis teks al-Quran secara mendalam, meskipun telah melalui pengajian formal dalam bidang al-Quran dan bahasa Arab (Ariffin & Taat, 2020). Kesukaran dalam memahami teks bahasa Arab secara analitik turut dilaporkan dalam kajian berkaitan pembelajaran bahasa Arab, khususnya dari sudut kefahaman teks dan struktur bahasa (Sjahrony et al., 2017; Wahdah, 2018; Ismail et al., 2020a).

Dalam konteks pendidikan tinggi, kemampuan analisis teks sering dianggap sebagai kemahiran lanjutan yang berkembang secara semula jadi hasil pendedahan akademik. Namun, kajian berkaitan penguasaan bahasa dan pencapaian akademik menunjukkan bahawa tahap kemahiran lanjutan pelajar masih dipengaruhi oleh faktor pembelajaran yang pelbagai, termasuk perbezaan sikap, minat dan penglibatan dalam pembelajaran (Meh, 1988; Abu & Leong, 2014; Abdul Kadir et al., 2016; Jaafar, 2018). Hal ini mencadangkan bahawa andaian perkembangan kemahiran secara automatik tidak sentiasa disokong oleh realiti pembelajaran.

Kajian-kajian terdahulu turut menunjukkan bahawa faktor dalaman seperti motivasi, minat dan sikap memainkan peranan penting dalam pembentukan kemahiran kognitif pelajar merentas pelbagai konteks pembelajaran bahasa dan akademik (Lestari, 2013; Radzi et al., 2019; Kaviza, 2019; Fadzil et al., 2022). Pada masa yang sama, faktor luaran seperti sokongan pensyarah, amalan pengajaran dan persekitaran pembelajaran juga mempengaruhi pengalaman serta keberkesanan pembelajaran pelajar (Abdul Ghani & Wan Ngah, 2018; Ku Azizan et al., 2018).

Namun demikian, walaupun hubungan antara faktor pembelajaran dan pencapaian atau penguasaan bahasa telah banyak dibincangkan, penerokaan empirikal yang secara khusus mengaitkan faktor dalaman dan luaran dengan kemampuan analisis teks al-Quran yang melibatkan dimensi linguistik dan interpretatif yang lebih kompleks masih terhad. Selain itu, kebanyakan kajian pengajian al-Quran dan bahasa lebih menumpukan aspek bacaan, hafazan, kefahaman umum atau pencapaian akademik, berbanding analisis teks yang menuntut pengintegrasian pelbagai komponen linguistik secara serentak (Yusoff & Seman, 2022; Nayai et al., 2023).

1.2. Objektif Kajian

Sehubungan itu, terdapat keperluan untuk satu penelitian empirikal yang meneliti secara sistematik hubungan antara faktor dalaman dan faktor luaran dengan kemampuan analisis teks al-Quran sebagai satu kemahiran bersepadu dalam konteks pembelajaran stilistik. Kajian yang memfokuskan hubungan ini berpotensi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang pola pembelajaran pelajar serta menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam terhadap faktor-faktor yang berkait dengan penguasaan analisis teks al-Quran di peringkat universiti.

2. Sorotan Literatur

2.1. Kemampuan Analisis Teks al-Quran dalam Stilistik

Dalam konteks stilistik al-Quran, kemampuan analisis teks merujuk kepada keupayaan pelajar mengaplikasikan konsep linguistik seperti literasi, morfologi, sintaks, retorik, leksikal dan fonologi bagi mengenal pasti struktur, pilihan bahasa dan ciri gaya bahasa dalam teks al-Quran secara analitik. Analisis teks secara stilistik menuntut keupayaan menghubungkan bentuk bahasa dengan makna dan fungsi teks, serta menilai kesan penggunaan unsur linguistik terhadap penyampaian mesej.

Walaupun analisis stilistik merupakan kemahiran penting dalam pembelajaran teks al-Quran, kajian empirikal yang menilai tahap penguasaan pelajar terhadap kemahiran ini secara sistematik masih terhad. Kebanyakan kajian terdahulu lebih memberi tumpuan kepada aspek kemahiran bahasa secara terpisah seperti kefahaman bacaan, kesulitan membaca teks bahasa Arab, penguasaan tatabahasa atau pencapaian akademik umum, tanpa meneliti keupayaan pelajar mengintegrasikan pelbagai komponen linguistik dalam analisis teks secara menyeluruh (Ismail et al., 2020b; Abu Bakar et al., 2010; Ahmad Yalani & Abu Bakar, 2017). Keadaan ini menunjukkan bahawa fokus kajian sedia ada masih tertumpu kepada penguasaan bahasa dan kefahaman teks, dan bukan kepada analisis teks secara stilistik yang melibatkan dimensi linguistik dan interpretatif yang lebih kompleks.

2.2. Faktor Dalaman dalam Pembelajaran Stilistik

Faktor dalaman merangkumi elemen psikologi pelajar seperti motivasi, minat dan sikap yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Dalam pembelajaran yang melibatkan analisis teks dan pemikiran aras tinggi, faktor dalaman memainkan peranan penting dalam menentukan kesediaan pelajar untuk terlibat secara aktif dalam proses analisis dan interpretasi teks.

Kajian-kajian terdahulu dalam pelbagai konteks pendidikan menunjukkan bahawa motivasi, minat, sikap serta faktor emosi pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan penglibatan kognitif dan pencapaian pembelajaran (Abdullah et al., 2019; Mohamed & Hamzah, 2005; Abu Bakar et al., 2021). Faktor emosi seperti rasa malu, keyakinan diri dan sikap terhadap pembelajaran turut dikenal pasti sebagai elemen yang mempengaruhi keupayaan pelajar untuk berinteraksi secara aktif dengan kandungan pembelajaran yang mencabar dari segi kognitif (Abdullah et al., 2023).

Dalam konteks pembelajaran bahasa dan analisis teks, beberapa kajian turut menunjukkan bahawa kelemahan dalaman pelajar seperti kurang minat dan sikap negatif terhadap pembelajaran bahasa menyumbang kepada kesukaran memahami teks secara mendalam (Wahdah, 2018; Abdullah et al., 2020). Walaupun kajian-kajian ini tidak menumpukan analisis stilistik secara langsung, dapatan tersebut memberikan asas konseptual bahawa faktor dalaman berpotensi mempengaruhi keupayaan pelajar untuk mengaplikasikan konsep linguistik secara mendalam dalam analisis teks al-Quran.

2.3. Faktor Luaran dalam Pembelajaran Stilistik

Faktor luaran merujuk kepada persekitaran pembelajaran yang membentuk pengalaman pembelajaran pelajar, termasuk peranan pensyarah, rakan sebaya dan kemudahan pembelajaran. Dalam konteks pendidikan tinggi, faktor-faktor ini menyediakan sokongan akademik dan interaksi pembelajaran yang membantu pelajar membangunkan kemahiran analisis teks.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa amalan pengajaran, sikap guru dan persepsi pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran mempunyai kaitan dengan penglibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa dan kefahaman kandungan akademik (Abdul Ghani & Wan Ngah, 2018; Ku Azizan et al., 2018; Abd Rahman et al., 2014). Interaksi rakan sebaya dan persekitaran pembelajaran turut dikenal pasti sebagai faktor yang menyokong keberkesanan pembelajaran, terutamanya dalam pembelajaran yang memerlukan perbincangan dan pemahaman konsep abstrak.

Selain itu, kajian berkaitan persekitaran luaran seperti latar belakang keluarga, sokongan sosial dan konteks pembelajaran luar bandar dan bandar menunjukkan bahawa faktor persekitaran berperanan dalam membentuk pengalaman dan hasil pembelajaran pelajar (Kaliappan & Jalil, 2023; Maijin et al., 2024). Walaupun kebanyakan kajian ini menumpukan pencapaian akademik dan kejayaan pelajar secara umum, dapatan tersebut menunjukkan bahawa faktor luaran berpotensi mempengaruhi keupayaan pelajar membangunkan kemahiran kognitif lanjutan, termasuk analisis teks secara stilistik. Namun demikian, hubungan antara faktor luaran dan kemampuan analisis teks al-Quran masih memerlukan penelitian empirikal yang lebih sistematik.

3. Metod Kajian

3.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif deskriptif dan korelasi bagi meneliti hubungan antara faktor dalaman, faktor luaran dan kemampuan analisis teks al-Quran dalam kalangan pelajar universiti. Reka bentuk ini dipilih kerana kajian ini bertujuan untuk memetakan pola hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji tanpa menguji hubungan sebab-akibat. Pendekatan ini sesuai untuk kajian penerokaan (*exploratory*) yang bertujuan memberikan gambaran awal tentang fenomena pembelajaran yang masih kurang diterokai secara empirikal.

3.2. Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian merujuk kepada keseluruhan pelajar tahun 4 program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Kesusasteraan Islam (N = 112). Oleh kerana saiz populasi adalah kecil dan dapat diakses sepenuhnya, kajian ini menggunakan pendekatan persampelan menyeluruh (*census sampling*), di mana semua ahli populasi dijadikan responden. Walaupun kaedah ini mempunyai batasan dari segi generalisasi, ia masih sesuai untuk kajian korelasi yang bertujuan meneroka hubungan antara pemboleh ubah.

Kajian ini dijalankan di Universiti Sains Islam Malaysia yang bertempat di Nilai, Negeri Sembilan. Universiti ini dipilih kerana program pengajian tersebut menawarkan kursus stilistik al-Quran secara formal dan sistematik, menjadikannya konteks yang relevan untuk mengkaji kemampuan analisis teks al-Quran dalam kalangan pelajar yang telah menerima latihan akademik berkaitan subjek ini.

3.3. Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini dibangunkan berdasarkan sorotan literatur berkaitan faktor pembelajaran dan analisis linguistik teks al-Quran. Kesahan kandungan instrumen telah dinilai oleh dua orang pakar bidang untuk memastikan kesahan kandungan sebelum digunakan dalam kajian sebenar.

Instrumen kajian berbentuk soal selidik berskala Likert yang dibahagikan kepada tiga bahagian utama:

3.3.1. Faktor Dalaman

Bahagian ini mengukur faktor dalaman pelajar yang merangkumi motivasi, minat dan sikap terhadap pembelajaran analisis teks al-Quran.

3.3.2. Faktor Luaran

Bahagian ini menilai faktor luaran pembelajaran yang melibatkan sokongan pensyarah, rakan, kemudahan pembelajaran dan persekitaran keluarga.

3.3.3. Kemampuan Analisis Teks al-Quran

Bahagian ini mengukur persepsi pelajar terhadap kemampuan analisis teks al-Quran yang merangkumi aspek literasi, morfologi, sintaks, retorik, leksikal dan fonologi.

Setiap konstruk diukur menggunakan beberapa item, dan skor purata (min) digunakan bagi mewakili setiap konstruk untuk tujuan analisis seterusnya.

3.4. Kebolehpercayaan Instrumen

Ujian kebolehpercayaan dalaman instrumen dijalankan menggunakan nilai Cronbach's alpha. Nilai alpha yang diperoleh bagi setiap konstruk berada pada tahap yang boleh diterima, menunjukkan konsistensi dalaman item yang memadai untuk analisis statistik. Justeru, instrumen kajian ini dianggap sesuai untuk mengukur pemboleh ubah yang dikaji.

Analisis kebolehpercayaan instrumen kajian telah dijalankan menggunakan nilai Cronbach's Alpha (α) seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 1](#) bagi menilai tahap konsistensi dalaman item-item yang mengukur setiap konstruk kajian. Selaras dengan amalan lazim dalam kajian sains sosial dan pendidikan, nilai $\alpha \geq 0.70$ dianggap memuaskan, manakala nilai melebihi 0.80 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang baik hingga sangat baik. Secara keseluruhannya, dapatan analisis menunjukkan bahawa sebahagian besar konstruk kajian mencapai tahap kebolehpercayaan yang memuaskan hingga sangat tinggi, dengan nilai α antara 0.729 hingga 0.955.

Jadual 1: Nilai Alpha bagi setiap konstruk

Konstruk	Bilangan item	Nilai Alpha (α)
FL_Pensyarah	7	0.843
FL_Rakan	4	0.874
FL_Kemudahan	6	0.729
FL_Keluarga	12	0.941
FD_Motivasi	5	0.730
FD_Minat	8	0.879
FD_Sikap	6	0.766
K_Literasi	9	0.881
K_Sorof	10	0.917
K_Nahu	7	0.899
K_Balaghah	12	0.955
K_Mu'jami	5	0.860
K_Souti	2	0.876

Nilai Cronbach's alpha bagi semua konstruk kajian berada pada tahap memuaskan hingga sangat tinggi, menunjukkan konsistensi dalaman item yang baik dalam mengukur konstruk masing-masing. Konstruk faktor luaran dan faktor dalaman mencatatkan nilai alpha yang melebihi aras minimum kebolehpercayaan, manakala konstruk kemampuan analisis teks al-Quran menunjukkan nilai alpha yang tinggi merentasi semua dimensi, mencerminkan kestabilan pengukuran aspek literasi, sorf, nahu, balaghah, mu'jami dan souti. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa instrumen kajian adalah reliabel dan sesuai digunakan untuk analisis statistik selanjutnya.

Keputusan ujian normaliti menunjukkan bahawa kebanyakan pemboleh ubah kajian tidak mematuhi andaian taburan normal; oleh itu, analisis bukan parametrik (korelasi Spearman) digunakan dalam kajian ini.

3.5. Prosedur Pengumpulan Data

Data dikumpulkan melalui pengedaran soal selidik kepada responden secara bersemuka bersama responden. Persetujuan dimaklumkan (informed consent) diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan responden adalah secara sukarela dan semua maklumat dikendalikan secara sulit bagi memastikan etika penyelidikan dipatuhi. Data yang diperoleh disaring bagi memastikan kesempurnaan respons sebelum dianalisis.

3.6. Kaedah Analisis Data

Analisis data dijalankan menggunakan perisian statistik. Analisis deskriptif digunakan untuk mengenal pasti profil kemampuan analisis teks al-Quran melalui nilai min dan sisihan piawai. Analisis korelasi Spearman's rho digunakan bagi menilai hubungan antara faktor dalaman, faktor luaran dan kemampuan analisis teks al-Quran.

Penggunaan Spearman's rho adalah bersesuaian kerana data kajian diukur menggunakan skala Likert dan tidak mengandaikan taburan normal. Nilai korelasi ditafsir berdasarkan kekuatan hubungan yang ditunjukkan oleh pekali korelasi dan tahap signifikan yang ditetapkan pada aras $p < 0.05$.

3.7. Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan, antaranya penggunaan persampelan bukan kebarangkalian dan pendekatan korelasi yang tidak membenarkan inferens sebab-akibat. Walau bagaimanapun, batasan ini tidak menjejaskan tujuan utama kajian, iaitu untuk memberikan gambaran awal tentang hubungan antara faktor pembelajaran dan kemampuan analisis teks al-Quran.

4. Hasil Kajian

4.1. Profil Demografi Responden

Jadual 2 menunjukkan profil demografi responden bagi kajian ini. Profil responden kajian menunjukkan taburan jantina yang tidak seimbang, dengan majoriti responden terdiri daripada pelajar perempuan berbanding pelajar lelaki. Corak ini mencerminkan realiti pengambilan pelajar dalam program pengajian berkaitan al-Quran dan bahasa Arab di peringkat universiti, yang lazimnya didominasi oleh pelajar perempuan. Walau bagaimanapun, taburan ini masih menyediakan variasi jantina yang mencukupi untuk menggambarkan profil umum sampel kajian.

Dari segi latar belakang pendidikan sebelum memasuki universiti, sebahagian besar responden merupakan lulusan STAM, diikuti oleh lulusan STPM, manakala peratusan responden daripada aliran diploma, matrikulasi dan asasi adalah lebih kecil. Taburan ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai latar belakang pendidikan formal yang berkait secara langsung dengan pengajian bahasa Arab dan al-Quran sebelum memasuki universiti, sekali gus mencerminkan keseragaman asas akademik dalam kalangan sampel kajian.

Dari segi pencapaian akademik, majoriti responden mencatatkan PNGK dalam julat 3.00 hingga 3.66, manakala sebahagian kecil memperoleh PNGK cemerlang dan sederhana.

Taburan ini menunjukkan bahawa sampel kajian terdiri daripada pelajar dengan tahap pencapaian akademik yang secara umumnya baik, dan tidak tertumpu kepada kumpulan ekstrem sama ada berprestasi sangat tinggi atau sangat rendah.

Jadual 2: Profil Demografi Responden

Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	40	35.7
	Perempuan	72	64.3
Latar belakang pengajian	STAM	61	54.5
	STPM	31	27.7
	Diploma	9	8.0
	Matrik	8	7.1
	Asasi	3	2.7
PNGK	3.67-4.00	7	6.3
	3.00-3.66	96	85.7
	2.50-2.99	9	8.0

Secara keseluruhan, profil responden kajian menunjukkan bahawa sampel terdiri daripada pelajar universiti yang berada pada peringkat akhir pengajian, mempunyai latar belakang pendidikan yang relevan, serta tahap pencapaian akademik yang baik. Ciri-ciri ini menjadikan sampel kajian sesuai untuk menilai hubungan antara faktor pembelajaran dan kemampuan analisis teks al-Quran dalam konteks stilistik.

4.2. Skor Min Keseluruhan

Secara perbandingan, faktor luaran mencatatkan min keseluruhan tertinggi ($M = 4.33$), diikuti oleh faktor dalaman ($M = 3.90$), manakala kemampuan analisis teks al-Quran berada pada tahap sederhana tinggi ($M = 3.65$), menunjukkan bahawa sokongan persekitaran dan kesiapsiagaan pelajar adalah lebih tinggi berbanding tahap penguasaan analisis stilistik itu sendiri seperti yang dipaparkan dalam [Jadual 3](#).

Jadual 3: Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai

Dimensi	Bil. Konstruk	Min Keseluruhan	Sisihan Piawai	Tahap
Faktor Luaran	4	4.33	0.20	Tinggi
Faktor Dalaman	3	3.90	0.08	Tinggi
Kemampuan Analisis Teks al-Quran	6	3.65	0.27	Sederhana Tinggi

Perbincangan deskriptif menunjukkan bahawa secara keseluruhan pelajar memperlihatkan tahap penilaian yang tinggi terhadap faktor luaran dan dalaman yang menyokong pembelajaran stilistik al-Quran seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 4](#). Bagi faktor luaran, peranan pensyarah ($M = 4.53$, $SP = 0.46$) dan sokongan keluarga ($M = 4.48$, $SP = 0.64$) mencatatkan skor min tertinggi, diikuti oleh rakan sebaya ($M = 4.29$, $SP = 0.65$) dan kemudahan pembelajaran ($M = 4.03$, $SP = 0.56$), menunjukkan persekitaran pembelajaran yang secara umumnya positif. Faktor dalaman turut menunjukkan tahap yang tinggi hingga sederhana tinggi, dengan motivasi ($M = 4.00$, $SP = 0.56$) mencatatkan skor tertinggi, diikuti oleh minat ($M = 3.88$, $SP = 0.64$) dan sikap ($M = 3.82$, $SP = 0.59$). Dari segi kemampuan analisis teks al-Quran, aspek sorof mencatatkan skor min tertinggi

(M = 4.05, SP = 0.57), diikuti oleh souti (M = 3.84, SP = 0.81) dan literasi (M = 3.80, SP = 0.59), manakala aspek nahu (M = 3.47, SP = 0.65), balaghah (M = 3.52, SP = 0.72) dan mu'jami (M = 3.22, SP = 0.73) berada pada tahap sederhana tinggi, menggambarkan variasi tahap penguasaan pelajar merentas komponen analisis stilistik.

Jadual 4: Min dan Sisihan Piawai setiap konstruk

Konstruk	Min	Sisihan Piawai
Faktor Luaran		
FL_Pensyarah	4.53	0.46
FL_Rakan	4.29	0.65
FL_Kemudahan	4.03	0.56
FL_Keluarga	4.48	0.64
Faktor Dalaman		
FD_Motivasi	4.00	0.56
FD_Minat	3.88	0.64
FD_Sikap	3.82	0.59
Kemampuan Analisis Teks al-Quran		
K_Literasi	3.80	0.59
K_Sorof	4.05	0.57
K_Nahu	3.47	0.65
K_Balaghah	3.52	0.72
K_Mu'jami	3.22	0.73
K_Souti	3.84	0.81

4.3. Hubungan antara Faktor Luaran, Faktor Dalaman dan Kemampuan Analisis Teks al-Quran

Bagi menentukan hubungan antara faktor luaran (pensyarah, rakan, kemudahan, keluarga), faktor dalaman (motivasi, minat, sikap) dan kemampuan analisis teks al-Quran (literasi, sorf, nahu, balaghah, mu'jami dan souti), analisis korelasi Spearman's rho telah dijalankan memandangkan data berbentuk ordinal (skala Likert) dan tidak sepenuhnya mematuhi andaian normaliti.

4.4. Hubungan Faktor Luaran dengan Kemampuan Analisis Teks al-Quran

Jadual 5 menunjukkan dapatan bahawa semua dimensi faktor luaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan sekurang-kurangnya beberapa aspek kemampuan analisis teks al-Quran. Walaupun kekuatan hubungan yang diperoleh adalah pada tahap lemah hingga sederhana, dapatan ini menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran memainkan peranan sokongan dalam pembentukan keupayaan analisis teks al-Quran secara stilistik.

Jadual 5: Faktor Luaran

Aspek Kemampuan Analisis	Pensyarah (ρ)	Rakan (ρ)	Kemudahan (ρ)	Keluarga (ρ)
Literasi	.246**	.296**	.440***	.329***
Sorf	.272**	.301**	.418***	.247**
Nahu	.238*	.193*	.418***	.241*
Balaghah	.284**	.246**	.329**	.290**
Mu'jami	-	.202*	.382***	.232*
Souti	.213*	.268**	.318**	.357***

Faktor pensyarah menunjukkan hubungan yang signifikan tetapi lemah dengan kebanyakan aspek kemampuan analisis, terutamanya literasi, sorf, nahu dan balaghah. Dapatan ini mencadangkan bahawa peranan pensyarah sebagai fasilitator pembelajaran membantu menyediakan asas kefahaman dan bimbingan awal dalam analisis teks, namun kekuatan hubungan yang rendah menunjukkan bahawa keupayaan analisis pelajar tidak bergantung sepenuhnya kepada pensyarah semata-mata. Hal ini sejajar dengan sifat pembelajaran stilistik yang memerlukan penglibatan sendiri dan latihan berterusan di luar bilik kuliah.

Hubungan rakan sebaya turut memperlihatkan pola yang hampir sama, iaitu hubungan signifikan tetapi lemah dengan hampir semua aspek kemampuan analisis teks al-Quran. Interaksi akademik sesama rakan berpotensi membantu pelajar berbincang dan memperjelas konsep analisis teks, khususnya dalam aspek struktur bahasa dan penggunaan istilah. Namun demikian, kekuatan hubungan yang sederhana rendah menunjukkan bahawa sokongan rakan lebih berfungsi sebagai pelengkap kepada proses pembelajaran individu, dan bukannya faktor utama dalam pembentukan keupayaan analisis stilistik.

Kemudahan pembelajaran muncul sebagai faktor luaran yang paling konsisten dengan hubungan sederhana merentasi semua aspek kemampuan analisis teks al-Quran. Dapatan ini menunjukkan bahawa ketersediaan bahan rujukan, sumber digital dan kemudahan sokongan pembelajaran mempunyai kaitan yang lebih jelas dengan keupayaan pelajar menguasai analisis teks secara stilistik. Peranan kemudahan sebagai sumber sokongan berterusan membolehkan pelajar mengakses bahan pembelajaran secara sendiri dan memperkukuh pemahaman terhadap aspek linguistik yang pelbagai.

Faktor keluarga juga menunjukkan hubungan signifikan yang lemah hingga sederhana dengan semua aspek kemampuan analisis teks al-Quran. Hubungan ini mencerminkan bahawa sokongan keluarga, sama ada dari segi dorongan moral atau persekitaran pembelajaran yang kondusif, berkait dengan keupayaan pelajar mengekalkan komitmen pembelajaran. Walau bagaimanapun, kekuatan hubungan yang sederhana menunjukkan bahawa peranan keluarga lebih bersifat latar sokongan umum, dan bukan penentu langsung keupayaan analisis teks secara spesifik.

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa faktor luaran berfungsi sebagai konteks sokongan yang melengkapi pembelajaran analisis teks al-Quran secara stilistik. Walaupun hubungan yang diperoleh adalah signifikan, kekuatan korelasi yang sederhana dan lemah mencadangkan bahawa faktor luaran sahaja tidak mencukupi untuk menjelaskan variasi kemampuan analisis teks al-Quran tanpa mengambil kira faktor dalaman pelajar. Seperti dapatan kajian ini, peranan faktor luaran perlu ditafsir sebagai elemen sokongan, bukan sebagai penentu utama keupayaan analisis.

4.5. Hubungan Faktor Dalaman dengan Kemampuan Analisis Teks al-Quran

Jadual 6 menunjukkan dapatan bahawa ketiga-tiga faktor dalaman, iaitu motivasi, minat dan sikap, mempunyai hubungan yang signifikan dengan hampir semua aspek kemampuan analisis teks al-Quran. Hubungan yang diperoleh berada pada tahap sederhana hingga kuat, sekali gus mencadangkan bahawa keupayaan pelajar menganalisis teks al-Quran secara stilistik berkait rapat dengan kesiapsiagaan dalaman pelajar dalam pembelajaran.

Motivasi didapati mempunyai hubungan sederhana yang konsisten dengan semua aspek kemampuan analisis, khususnya literasi, sorf, nahu dan balaghah. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar yang lebih bermotivasi cenderung untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran analisis teks yang memerlukan pemikiran kognitif dan linguistik yang mendalam. Walau bagaimanapun, kekuatan hubungan yang lebih rendah bagi aspek mu'jami dan souti mencadangkan bahawa penguasaan aspek leksikal dan bunyi mungkin memerlukan latihan dan pendedahan yang lebih khusus, selain dorongan motivasi semata-mata.

Jadual 6: Faktor Dalaman

Aspek Kemampuan Analisis	Motivasi (ρ)	Minat (ρ)	Sikap (ρ)
Literasi	.470***	.532***	.510***
Sorf	.450***	.470***	.412***
Nahu	.419***	.351***	.320***
Balaghah	.464***	.375***	.397***
Mu'jami	.307**	.428***	.284**
Souti	.279**	.268**	.187*

Minat turut memperlihatkan hubungan sederhana yang signifikan dengan semua aspek kemampuan analisis teks al-Quran. Hubungan yang lebih kuat antara minat dengan literasi dan sorf menunjukkan bahawa kecenderungan pelajar terhadap pembelajaran analisis teks berperanan dalam membantu penguasaan aspek struktur dan bentuk bahasa. Namun demikian, hubungan yang lebih sederhana bagi aspek nahu, balaghah dan souti mencerminkan bahawa minat sahaja tidak mencukupi tanpa sokongan pedagogi yang sistematik dalam pembelajaran stilistik.

Sikap muncul sebagai faktor dalaman paling dominan dengan hubungan sederhana hingga kuat terhadap hampir semua aspek kemampuan analisis teks al-Quran. Hubungan yang lebih konsisten antara sikap dengan literasi, sorf dan balaghah menunjukkan bahawa orientasi sikap pelajar terhadap pembelajaran analisis teks memainkan peranan penting dalam membentuk keupayaan analitik mereka. Walaupun hubungan sikap dengan aspek souti adalah lebih rendah berbanding aspek lain, dapatan ini masih menunjukkan bahawa sikap positif terhadap pembelajaran stilistik berkait dengan tahap kemampuan analisis secara keseluruhan.

Secara keseluruhan, dapatan ini menyokong pandangan bahawa kemampuan analisis teks al-Quran sebagai komponen stilistik bukan sahaja bergantung kepada pendedahan kandungan dan kemahiran teknikal, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor dalaman pelajar. Walau bagaimanapun, memandangkan kajian ini bersifat korelasi, dapatan yang diperoleh perlu ditafsir sebagai pola hubungan, dan bukan sebagai bukti hubungan sebab-akibat.

4.6. Rumusan Dapatan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa hubungan antara faktor pembelajaran dan kemampuan analisis teks al-Quran tidak bersifat seragam, sebaliknya memperlihatkan variasi kekuatan korelasi merentas dimensi analisis stilistik yang berbeza. Corak ini mencadangkan bahawa faktor dalaman dan luaran tidak mempengaruhi kemampuan analisis teks al-Quran secara menyeluruh sebagai satu konstruk tunggal, tetapi berkait secara berbeza dengan aspek linguistik tertentu seperti literasi, sorf, nahu, balaghah, mu'jami dan souti.

Secara perbandingan, dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor dalaman mempunyai hubungan yang lebih konsisten dan lebih kuat dengan kemampuan analisis teks al-Quran berbanding faktor luaran. Walaupun kedua-dua kategori faktor memperlihatkan hubungan yang signifikan dengan pelbagai aspek analisis, perbezaan kekuatan korelasi antara faktor dalaman dan faktor luaran menunjukkan peranan relatif yang berbeza dalam pembentukan keupayaan analisis stilistik.

Faktor dalaman, khususnya sikap, minat dan motivasi, menunjukkan hubungan sederhana hingga kuat dengan hampir semua aspek kemampuan analisis teks al-Quran. Corak ini mencadangkan bahawa penguasaan analisis teks yang melibatkan integrasi pelbagai komponen linguistik—literasi, sorf, nahu, balaghah, mu'jami dan souti—berkait rapat dengan kesiapsiagaan dalaman pelajar. Keupayaan untuk menganalisis teks secara stilistik memerlukan penglibatan kognitif dan afektif yang berterusan, dan justeru lebih bergantung kepada orientasi dalaman pelajar terhadap pembelajaran.

Sebaliknya, faktor luaran memperlihatkan hubungan yang signifikan tetapi secara umum berada pada tahap lemah hingga sederhana. Walaupun kemudahan pembelajaran menunjukkan hubungan yang lebih konsisten berbanding dimensi luaran yang lain, kekuatan korelasi faktor luaran secara keseluruhan adalah lebih rendah berbanding faktor dalaman. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor luaran berfungsi terutamanya sebagai konteks sokongan yang memudahkan proses pembelajaran, dan bukannya sebagai penentu utama keupayaan analisis teks al-Quran.

Perbezaan ini menggambarkan bahawa kemampuan analisis teks al-Quran sebagai komponen stilistik bukanlah kemahiran yang berkembang secara pasif melalui pendedahan persekitaran semata-mata. Sebaliknya, ia memerlukan penglibatan sendiri pelajar yang tinggi serta kesediaan untuk mengaplikasikan konsep linguistik secara aktif. Faktor luaran seperti pensyarah, rakan, kemudahan dan keluarga menyediakan persekitaran yang menyokong, namun keberkesanan sokongan tersebut banyak bergantung kepada faktor dalaman pelajar sendiri.

Secara keseluruhan, perbandingan ini menunjukkan bahawa faktor dalaman dan faktor luaran saling melengkapi dalam pembentukan kemampuan analisis teks al-Quran, namun faktor dalaman memainkan peranan yang lebih dominan. Walaupun kajian ini tidak menguji hubungan sebab-akibat, pola hubungan yang diperoleh mencadangkan bahawa usaha memperkukuh kemampuan analisis teks al-Quran secara stilistik perlu memberi penekanan kepada pembangunan faktor dalaman pelajar, disokong oleh persekitaran pembelajaran yang kondusif.

5. Kesimpulan

Kajian ini bertujuan meneliti hubungan antara faktor dalaman dan faktor luaran dengan kemampuan analisis teks al-Quran sebagai komponen stilistik yang merangkumi aspek literasi, sorf, nahu, balaghah, mu'jami dan souti. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua faktor dalaman dan faktor luaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemampuan analisis teks al-Quran, walaupun pada tahap kekuatan yang berbeza.

Faktor dalaman didapati mempunyai hubungan yang lebih konsisten dan lebih kuat merentasi hampir semua aspek kemampuan analisis teks al-Quran berbanding faktor luaran. Dapatan ini mencadangkan bahawa penguasaan analisis teks secara stilistik

berkait rapat dengan kesiapsiagaan dalaman pelajar, khususnya dari segi motivasi, minat dan sikap terhadap pembelajaran. Sebaliknya, faktor luaran seperti pensyarah, rakan, kemudahan dan keluarga berfungsi sebagai konteks sokongan yang melengkapinya proses pembelajaran, dengan kekuatan hubungan yang secara relatif lebih sederhana. Walaupun kajian ini bersifat korelasi dan tidak menguji hubungan sebab-akibat, dapatan yang diperoleh memberikan gambaran empirikal awal tentang pola hubungan pembelajaran dalam konteks stilistik al-Quran. Dapatan ini menunjukkan bahawa usaha memperkukuh kemampuan analisis teks al-Quran secara stilistik perlu memberi penekanan kepada pembangunan faktor dalaman pelajar, disokong oleh persekitaran pembelajaran yang kondusif dan berstruktur.

Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan kepentingan melihat kemampuan analisis teks al-Quran sebagai konstruk berbilang dimensi, di mana faktor pembelajaran dalaman dan luaran berkait secara tidak seragam dengan setiap komponen analisis stilistik.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyertaan responden adalah secara sukarela dan persetujuan telah diperoleh sebelum pengumpulan data dijalankan. Identiti responden dirahsiakan dan data digunakan hanya untuk tujuan akademik.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia melalui Projek Penyelidikan Skim Guru [PPPI/SKIMGURU/FPBU/USIM/17423].

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abdullah, A. H., Wong, J. T., Ismail, H., Abd Rahman, S. N. S., & Hamzah, M. H. (2023). The relationship between students' personality and their achievement in solving mathematics higher order thinking skills questions. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(2), e002060. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2060>
- Abdullah, A. H., Sulaiman, A. A., & Wan Abdullah, W. I. (2020). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 10(1), 82–97. <https://doi.org/10.37231/jimk.2020.10.1.112>

- Abdullah, Z., Ismail, S. N., Shafee, S., Shaharom, M. S. N., & Ghani, M. F. A. (2019). Pengaruh pembelajaran akademik anak-anak keluarga fakir miskin di sekolah-sekolah Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(2), 44–70. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUPIDI/article/view/17354>
- Abdul Ghani, K., & Wan Ngah, W. S. (2018). Hubungan antara sikap membaca, persekitaran pembelajaran dan amalan pengajaran guru dengan pencapaian kefahaman bacaan bahasa Arab murid. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 4(2), 24–39. <https://www.journaltamu.com/wp-content/uploads/2019/01/TAMU-Vol-42-December-2018-24-39.pdf>
- Abdul Kadir, M. N. B., Abdul Karim, M. M., & Abd. Rahman, N. (2016). Sikap pelajar terhadap pembelajaran fizik dan hubungannya dengan pencapaian dalam kalangan pelajar sains. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(1), 23–38. <https://www.ukm.my/personalia/wp-content/uploads/2016/05/Prapapar-Artikel-Mohd-Noor-Badlilshah-May-11-2016.pdf>
- Abd Rahman, A., Ku Azizan, K. F., & Jamali, H. N. (2014). Persepsi pelajar di IPT Malaysia terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 8, 1–14. <https://ejurnalfp.wordpress.com/wp-content/uploads/2015/08/persepsi-pelajar-di-ipt-malaysia-terhadap-pengajaran-dan-pembelajaran-bahasa-arab1.pdf>
- Abu, N. E., & Leong, K. E. (2014). Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1–10. <https://juku.um.edu.my/article/view/8058>
- Abu Bakar, K., Sulaiman, N. F., & Muhammad Razaai, Z. A. (2010). Self-determination theory and motivational orientations of Arabic learners: A principal component analysis. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 10(1), 71–86. https://selfdeterminationtheory.org/wp-content/uploads/2021/10/2010_BakarSulaimanRazaai_SDTandMotivational.pdf
- Abu Bakar, N. A., Mansor, K. Z., Batmanathan, P., & Rashed, Z. N. (2021). Tahap motivasi belajar dalam kalangan murid di dua buah sekolah di daerah Hilir Perak. *Evaluation Studies in Social Sciences*, 2(Special Issue), 56–63. <https://doi.org/10.37134/esss.vol2.sp.10.2021>
- Ahmad Yalani, N. N., & Abu Bakar, N. R. (2017). Tahap penguasaan bahasa Inggeris dan faktor-faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhinya di kalangan pelajar sebuah IPTS di Selangor. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 20–28. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v1i1.108>
- Ariffin, A., & Taat, M. S. (2020). Penguasaan bahasa Arab: Hubungannya dengan sikap murid dan pengajaran guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(3), 13–23. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i3.370>
- Chzin, D. T. J. & Surat, S. (2021). Sorotan literatur bersistematik: Faktor-faktor mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(12), 137–157. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i12.1210>
- Fadzil, N. A., Jaafar, N., & Md Rofiee, M. (2022). Hubungan sikap pelajar terhadap penguasaan bahasa Arab. *Jurnal 'Ulwan*, 7(2), 143–153. <https://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/1193>
- Ismail, M. R., Ghazali, A. R., Abdul Latif, K. A., Maromar, F., & Man, S. (2020a). Faktor luaran dan hubungannya terhadap pencapaian ujian pengesanan dan jantina pelajar dalam kemahiran menulis bahasa Arab di institusi pengajian tinggi Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 5(2), 367–376. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v5i2.103>

- Ismail, M. R., Ghazali, A. R., Abdul Latif, K. A., Maromar, F., & Man, S. (2020b). Hubungan antara faktor dalaman dan faktor luaran dalam mempengaruhi kemahiran menulis bahasa Arab pelajar di institusi pengajian tinggi Malaysia. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 2(1), 1–11. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v2i1.29>
- Jaafar, W. M. S. (2018). *Faktor penyumbang terhadap pencapaian akademik pelajar-pelajar sekolah menengah* (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Malaysia. https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/12_1581563581.pdf
- Kaliappan, M.D. & Jalil, N.A. (2023). Pengaruh faktor dalaman dan luaran terhadap pencapaian Mata Pelajaran Ekonomi bagi murid-murid Sekolah Menengah Luar Bandar negeri Perak, Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16(2), 83-92.
- Kaviza, M. (2019). Korelasi antara motivasi intrinsik dengan pencapaian subjek sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(8), 1–10. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol16.2.9.2023>
- Ku Azizan, K. F., Shaharuddin, H. N., Rosnan, F. N.-R., & Ismail, W. (2018). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Tahfiz wal Qiraat. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(2), 1–15. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/31377>
- Kob, C.G.C., Abdulah, M.S., Kamis, A., Hanapi, Z., & Rus, R.C. (2016). Amalan gaya pembelajaran pelajar cemerlang di Politeknik Seberang Perai: kajian pelajar Malaysia berdasarkan model Felder Silvermen. *GEOGRAFIA: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(3), 181-191. <https://journalarticle.ukm.my/9910/>
- Lestari, I. (2013). Pengaruh waktu belajar dan minat belajar terhadap hasil belajar matematika. *Jurnal Formatif*, 3(2), 115-125. <https://journal.lppmunindra.ac.id/index.php/Formatif/article/view/118/0>
- Maijin, J., Talin, R., & Mosin, M. (2024). Merungkai faktor-faktor penentu kejayaan akademik di kalangan pelajar cemerlang luar bandar: Suatu tinjauan literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(6), e002846. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i6.2846>
- Meh, S. C. (1998). *Hubungan latarbelakang, sikap dan komitmen pelajar dengan pencapaian bahasa Inggeris* [Unpublished master's thesis]. Universiti Utara Malaysia. <https://etd.uum.edu.my/720/>
- Mohamed, A. R. & Hamzah, M. D. (2005). Korelasi antara emosi malu dan pencapaian akademik pelajar Melayu. *Jurnal Pendidik & Pendidikan*, 20, 153-167. [http://apjee.usm.my/APJEE_20_2005/JPP10rashid%20\(153-167\)B.pdf](http://apjee.usm.my/APJEE_20_2005/JPP10rashid%20(153-167)B.pdf)
- Nayai, S. N. M., Adnan, M. A. M., & Salleh, N. H. M. (2023). Faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab secara dalam talian. *Journal of Islamic Educational Research*, 9, 48-57. <https://doi.org/10.22452/jier.vol9no2023.5>
- Oxford, R. L., & Nyikos, M. (1989). Variables affecting choice of language learning strategies by university students. *The Modern Language Journal*, 73(3), 291-300. <https://doi.org/10.2307/327003>
- Radzi, S. F., Md Nor, N., Mohd Nor, N. F., & Baharudin, H. (2019). Motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. In *Prosiding Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami (i-STET 2019)* (pp. 159-169). Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://oarep.usim.edu.my/server/api/core/bitstreams/f2540813-3036-4f34-b94a-564be4d51540/content>
- Razali, M. S. M., & Raop, N. A. (2018). Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar Sarjana Muda Psikologi, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). *Jurnal Sains Sosial (Malaysian Journal of Social Science)*, 3, 77-87. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JSS/article/view/466>

- Sjahrony, A., Lubis, M. A., Baharudin, H., & Kamis, M. S. (2017). Kepentingan pembelajaran motivasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar IPTA dari perspektif sorotan kajian. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 1(2), 102–112. https://www.researchgate.net/publication/322356916_Kepentingan_Pembelajaran_Motivasi_Bahasa_Arab_Dalam_Kalangan_Pelajar_IPTA_Dari_Perspektif_Sorotan_Kajian
- Wahdah, Y. A. (2018). Faktor-faktor kesulitan siswa dalam membaca teks bahasa Arab. *ALSUNIYAT: Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra, dan Budaya Arab*, 1(1), 30–46. <https://doi.org/10.17509/alsuniyat.v1i1.24197>
- Yusoff, M. S. A., & Seman, Z. (2022). Penguasaan bahasa Arab dan pengaruhnya terhadap kefahaman teks subjek sastera Arab (STAM). *Borneo Akademika*, 6(1), 88–98. <https://doi.org/10.24191/BA/v6i1/80381>